

22/09/1999

Pembandaran Kampung Baru citra Melayu kota

Mustafa Albakri Baharom; Hatipah Ahmad

KAMPUNG Baru yang diwujudkan oleh penjajah Inggeris 102 tahun lalu sebagai sebuah kampung di pinggir Kuala Lumpur, kini kedudukannya kian terhimpit di tengah-tengah ibu kota. Cuma, proses urbanisasi yang dialaminya tidak secepat dan sehebat kawasan sekelilingnya. Dari segi fizikalnya, ia tidak banyak berubah. Begitu juga dari segi sosiobudaya penduduknya.

Hingga hari ini Kampung Baru masih memiliki rumah kampung dan jalan yang sempit, walaupun flat dibangunkan di celah-celahnya. Ia terperosok di Segi Tiga Emas ibu kota yang menempatkan pusat perdagangan, kewangan, perhotelan dan kediaman pencakar langit.

Proses perbandaran Kampung Baru dari segi sosio-budaya dan sosio-ekonomi menarik perhatian Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Dr Suleiman Mohamed menjadikan isu itu topik tesis kedoktoran falsafahnya. Beliau memperolehi PhD dalam sains kemasyarakatan dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini setelah lima tahun bertungkus-lumus. Tajuk tesisnya ialah Transformasi Sosial Melayu Bandar: Satu Kajian Kes di Kampung Baru.

Ucapan penangguhan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno ke-38 pada 1994 mendorong Dr Suleiman menjadi calon PhD di UKM. Presiden Umno ketika itu berkata, "saya menyerahkan pembangunan Kampung Baru kepada Dr Suleiman. Saya berdoa agar dia berjaya."

Menurut Dr Suleiman, tesis itu adalah jawapan akademiknya terhadap kegagalan membangunkan Kampung Baru. Beliau yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Semula Kampung Baru membuat penyelidikan ilmiah dan menulis tesisnya dari jam 12 tengah malam hingga 3 pagi hampir setiap malam.

Dr Suleiman mendisiplinkan diri terutama pada tahun pertama, apatah lagi ijazah pertama diperolehnya 20 tahun sebelum itu. Tahun pertama penyelidikannya amat perit dan paling mencabar. Banyak penyakit timbul seperti susah tidur, hilang selera makan dan kadangkala menyisih diri daripada keluarga. Ini kerana lebih banyak masa ditumpukan kepada masyarakat pada siang hari. Kadangkala beliau menyewa hotel untuk menulis tesisnya.

Persoalan kajian ialah mengenai transformasi sosial Melayu dari segi perbandaran. Kajian kes dibuat ke atas Kampung Baru, Kuala Lumpur, iaitu kampung terawal yang mengalami proses perubahan berkenaan. Ia sebuah penempatan luar bandar yang kegiatan ekonomi utamanya ketika diwujudkan ialah tanaman padi.

Penempatan Melayu di Kampung Baru yang dilakukan oleh pentadbir kolonial ialah untuk memperolehi kelebihan dari segi ekonomi, iaitu:

- * Membolehkan kerajaan kolonial menguasai dan meneroka kawasan lain dengan mudah untuk tujuan perlombongan, perladangan dan perumahan;
- * Mewujudkan sebuah kawasan pertanian di pinggir bandar bagi warga kota yang bergiat dalam kegiatan bukan pertanian mendapat bekalan makanan dengan mudah dan murah; dan
- * Menyediakan tempat tinggal yang murah bagi pekerja bawahan seperti pemandu, budak pejabat dan atendan hospital yang bertugas di bandar.

Sehubungan itu, Kampung Baru seluas 55 hektar tidak boleh dianggap sebahagian daripada bandar Kuala Lumpur meskipun bersempadan dengannya. Untuk mengukuhkan kedudukan dan taraf Kampung Baru sebagai kawasan luar bandar, penjajah Inggeris mentakrifnya tanah rizab Melayu yang kemudian dikenali sebagai Tanah Penempatan Pertanian Melayu (MAS).

Menurut tesis Dr Suleiman, penjajah bukan saja memusnahkan usahawan dan penempatan orang Melayu di Kuala Lumpur, malah melaksanakan dasar menindas orang Melayu dengan melenyapkan unsur tempatan yang bersifat kepribumian dalam pembangunan ibu kota. Penyediaan perkhidmatan awam dan pembangunan fizikal ibu kota menekankan kepentingan kolonial dan pendatang asing. Ia menafikan kepentingan penghuni bandar dari kalangan Melayu. Kampung Baru kurang mendapat perhatian penjajah Inggeris dan boleh dianggap satu sejarah dalam proses peminggiran Melayu melalui cengkaman ekonomi bebas yang dibawa oleh kuasa kolonial. Keadaan ini berterusan hingga awal tahun 1970-an.

Dari segi pendidikan, sebahagian besar penduduk hanya berpendidikan sekolah rendah, iaitu 50.8 peratus, diikuti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 41.2 peratus, kolej 5.2 peratus dan berijazah hanya 2.8 peratus. Sebahagian besarnya membabitkan diri dalam sektor swasta, iaitu 34 peratus, diikuti 11.6 peratus peniaga kecil dan sederhana. Selebihnya bekerja sebagai pegawai kerajaan, seniman atau pemuzik, guru, pemandu dan pegawai masjid. Selain itu, sebahagian besar warga yang dijadikan responden berpendapatan di bawah RM500 sebulan iaitu 43.6 peratus, diikuti 24 peratus berpendapatan antara RM500 dan RM1,000, 21.8 peratus antara RM500 dan RM3,500 dan hanya 1.6 peratus melebihi RM3,501.

Gambaran rumah usang bersebelahan flat di kawasan yang sesak memaparkan status kehidupan penduduknya. Daripada 250 responden, 26.8 peratus tinggal di flat, 22.8 peratus rumah kampung dan 22.4 peratus rumah teres setingkat atau dua tingkat. Sebanyak 54 peratus daripada mereka adalah penyewa, 40.4 peratus tinggal di rumah sendiri dan 5.6 peratus lagi dibenarkan tinggal tanpa membayar sewa oleh pemiliknya. Pemilikan peralatan rumah seperti kenderaan dan perabot juga kelihatan sederhana sekali. Hanya 46.4 peratus memiliki kereta manakala selebihnya bermotosikal atau menggunakan pengangkutan awam.

Menurut tesis berkenaan, majoriti penduduk Kampung Baru hidup secara sederhana. Mereka menggunakan pendapatan bagi kepentingan yang berguna dan bermanfaat terutama pendidikan anak. Mereka masih mengekalkan ciri kehidupan kampung berasaskan kekeluargaan dan menjalin hubungan dengan jiran tetangga. Ikatan emosi dan sentimen di kalangan anggota keluarga masih tebal meskipun mereka dilanda oleh gaya hidup moden yang lebih mementingkan sifat individu dan kebendaan.

Kegiatan kemasyarakatan mendapat sambutan menggalakkan walaupun tidak sehebat di kampung tradisional. Bagaimanapun, mereka berasa asing bergaul melalui kelab walaupun Kelab Sultan Sulaiman, antara kelab tertua di negara ini, wujud di Kampung Baru. Kebanyakan anggota kelab adalah dari luar Kampung Baru dan penduduk tidak berminat menyertainya walaupun ditubuhkan dengan restu Sultan Selangor.

Bagaimanapun penduduk rapat dengan parti politik, terutamanya Umno kerana meletakkan politik sebagai tonggak kehidupan Melayu. Masjid Kampung Baru pula memainkan peranan sebagai arena jalinan hubungan di kalangan penduduk. Walaupun tidak semua penduduk mengimarahkan masjid setiap hari, ia mewujudkan kerangka jaringan hubungan. Sebahagian besar penduduk hadir pada hari kebesaran agama seperti Maulidur Rasul dan Ramadan di Masjid Kampung Baru.

Walaupun penduduk Kampung Baru mewarisi ciri budaya kampung tradisional, ia tidak menghilangkan unsur kosmopolitan di kalangan warga kota. Kemunduran Kampung Baru bukan kerana mewarisi sosio-budaya kampung, tetapi kerana sikap mereka, iaitu pergantungan kepada kerajaan untuk terus membantu. Bagaimanapun perubahan pemikiran sudah berlaku walaupun tidak secepat yang dikehendaki kerajaan.

Melayu Kampung Baru sedar mereka perlu berani bersaing dengan bangsa lain, terus menimba pengetahuan, bersatu dan memerlukan pemimpin yang

dinamik. Hakikat Kampung Baru diwujudkan oleh kerajaan terus mengikat pertumbuhannya.

Transformasi ke atas Kampung Baru bukan seluruhnya satu proses perubahan semula jadi tetapi berkait dengan peranan kerajaan dan swasta. Pembabitan kerajaan dan swasta menjadikan keadaan pembangunan semula Kampung Baru juga agak rumit.

Pada satu pihak, peranan kerajaan amat diperlukan untuk membangunkan semula Kampung Baru sebagai kawasan Melayu kerana penduduknya tidak mempunyai modal membangunkannya sendiri. Pada satu pihak lagi, pembabitan swasta diperlukan untuk meninggikan nilai hartanahnya.

Tesis Dr Suleiman memaparkan bahawa Melayu bukan asing dengan kehidupan bandar. Sejak zaman awal Kuala Lumpur, mereka sudah pun wujud sebagai warga kota yang bergiat dalam bidang perdagangan. Malah kajian ilmiah lain turut memaparkan Melayu bandar turut terbabit dalam ekonomi bandar. Hanya pihak kolonial menyingkirkan mereka daripada kehidupan bandar.

Kedudukan Kampung Bahru di tengah ibu kota sekarang adalah satu hakikat yang amat strategik bagi pembangunan Melayu bandar dari segi kedudukan dan transformasi sosialnya. Kejayaan membangunkan semula Kampung Baru seperti yang dirancang boleh menjadi model kepada urbanisasi Melayu.

Membangunkan kampung di pinggir atau tengah bandar dan memesatkan kadar urbanisasi warganya lebih mudah daripada membina bandar baru untuk Melayu di tempat lain dalam usaha membandarkan Melayu. Oleh itu, Kampung Baru dan transformasinya bukan sahaja isu meruncing, malah penting bagi citra Melayu bandar pada alaf baru. Kejayaannya boleh menjadi pemangkin pembangunan kampung tradisional Melayu.

(END)